

# Smartag catat premium 6.5 sen

KUALA LUMPUR 18 April - Smartag Solutions Bhd. muncul buat pertama kalinya di Pasaran Ace Bursa Malaysia hari ini dengan premium 6.5 sen berbanding harga terbitan 31 sen sesaham.

Syarikat itu yang merupakan penyedia penyelesaian penjejakan berasaskan Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) sepenuhnya, menyaksikan kaunter dibuka pada 37.5 sen dengan 12.78 juta saham bertukar tangan.

RFID merupakan terma generik yang digunakan untuk menjelaskan mengenai sistem yang menghantar identiti dalam bentuk nombor siri yang unik sesuatu objek atau orang tanpa menggunakan wayar serta menggunakan gelombang radio dan diletakkan di bawah kategori teknologi pengenalan automatik.

Ketua Pegawai Eksekutif Smartag P K Lim berkata, penyenaaraan berkenaan meletakkan syarikat dalam kedudukan yang baik untuk menguasai lebih banyak peluang melangkaui Malaysia.